

PETIKAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

BIL.	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG	PETIKAN
1.	SEKSYEN 15(1) KPJ (AKTA 593)	Tangkapan, bagaimana dibuat. Apabila pegawai polis atau orang lain hendak menangkap orang ia hendaklah menyentuh atau mengurung badan orang yang hendak ditangkap itu, melainkan jika ia menyerahkan dirinya melalui percakapan ataupun tingkah lakunya.
2.	SEKSYEN 15(3) KPJ (AKTA 593)	Tiada apa dalam seksyen ini yang memberi hak untuk menyebabkan kematian pada seseorang yang tidak dituduh berkenaannya dengan kesalahan yang boleh dihukum mati atau penjara seumur hidup.
3.	SEKSYEN 19 KPJ (AKTA 593)	Ditegah menahan secara berlebih-lebihan dan peraturan memeriksa perempuan (1) Orang yang ditangkap itu tidak tertakluk halangan yang lebih daripada yang difikirkan patut supaya mencegah ia daripada melarikan diri. (2) Apabila dikehendaki memeriksa seorang perempuan, pemeriksaan itu hendaklah dibuat oleh seorang perempuan lain, dengan menitikberatkan kesopanan
4.	SEKSYEN 20 KPJ (AKTA 593)	Memeriksa orang-orang yang ditangkap Apabila seseorang ditangkap: (b) tanpa waran atau orang persendirian di bawah waran dan orang yang ditangkap itu tidak boleh diberi ikat jamin di sisi undang-undang atau tidak mampu menyediakan ikat jamin, maka pegawai polis yang menjalankan tangkapan itu, atau apabila tangkapan itu dijalankan oleh seorang persendirian, pegawai polis yang menerima orang yang ditangkap yang diserahkan kepadanya, bolehlah memeriksa orang itu dan menyimpan di tempat yang selamat segala benda yang ada pada badannya selain daripada pakaian yang menutup badannya, dan sekiranya mana-mana benda itu dipercayai adalah alat atau hasil ataupun keterangan lain sesuatu perbuatan jenayah, benda itu boleh ditahan sehingga orang itu dibebaskan atau dilepaskan.
5.	SEKSYEN 28, KPJ; (AKTA A1274)	Bagaimana tindakan terhadap orang yang telah ditangkap dan tahanan lebih daripada 24 jam.

6.	SEKSYEN 28A(1) KPJ (AKTA A1304)	Hak orang yang ditangkap. Seseorang yang ditangkap tanpa waran hendaklah diberitahu alasan penangkapannya dengan seberapa segera yang boleh oleh pegawai polis yang menangkapnya
	(SEKSYEN 117, KPJ; (AKTA 324) [GAN. AKTA A 1274]	Prosedur jika penyiasatan tidak boleh diselesaikan dalam tempoh 24 jam. - kemuka permohonan lanjutan reman bersama, ID dan OYDS di hadapan Majistret. (2)(a) jika kesalahan yang sedang disiasat adalah dihukum dengan penjara kurang dari empat belas (14) tahun, penahanan hendaklah tidak lebih dari empat (4) hari pada permohonan pertama dan hendaklah tidak lebih tiga (3) hari pada permohonan kedua.
6.	SEKSYEN 38A, AKAS 1974	Kuasa untuk memeriksa orang yang mengetahui kes.
7.	SEKSYEN 38AA AKAS 1974	Kebolehterimaan pernyataan dalam keterangan